

# Public Bank menang Anugerah Kecemerlangan Korporat BSKL

BM - 6 MAR 2002

PUBLIC Bank Bhd (Public Bank) dan Malayan Banking Bhd (Maybank) memenangi Anugerah Kecemerlangan Korporat Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) 2001 bagi kategori syarikat di Papan Utama.

Bagi kategori Papan Kedua pula, dua syarikat yang terpilih memenangi anugerah itu ialah Computer Systems Advisers (M) Bhd (CSA) dan Globetronics Technology Bhd (Globetronics).

Bagi Public Bank dan CSA, ia adalah pemilihan kali kedua berturut-turut selepas turut memenangkannya pada 2000.

Anugerah yang mula diperkenalkan pada 2000 itu bertujuan memilih syarikat senarai awam yang mempamerkan perlakuan korporat terbaik termasuk mempunyai tahap pematuhan yang tinggi terhadap aspek tadbir urus korporat.

Selain anugerah tertinggi itu, bursa itu turut menyampaikan Anugerah Korporat BSKL Mengikut Sektor. Anugerah itu diberikan kepada syarikat dalam setiap sektor di BSKL yang memenuhi kriteria kelayakan minimum yang ditetapkan panel pengadilan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyampaikan anugerah kepada syarikat berkenaan di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama Pengerusi Eksekutif BSKL, Datuk Mohd Azlan Hashim.

Di Papan Utama, British American Tobacco (Malaysia) Bhd (BAT) dipilih bagi kategori sektor barangan pengguna; barangan perindustrian, Malayan Cement Bhd (MCement); pembinaan, Road Builder (M) Holdings Bhd (Road Builder); dagangan/khidmat, Tanjong Public Limited Company (Tanjong Plc); kewangan dan Dana tertutup, Public Bank Bhd (Public Bank); perla-

dangan, Kumpulan Guthrie Bhd (Guthrie); syarikat projek prasarana, Powertek Bhd (Powertek) dan sektor teknologi, AIC Corporation Bhd (AIC).

Bagaimanapun, tiada syarikat yang layak menerima anugerah itu bagi sektor perhotelan, hartanah dan amanah dan perlombongan.

Sementara di Papan Kedua pula, anugerah itu diberikan kepada Ireka Corporation Bhd (Ireka) bagi sektor pembinaan/hartanah/perladangan; dagangan dan khidmat, CSA dan sektor teknologi kepada Globetronics.

Tiada anugerah diberikan kepada syarikat dalam sektor barangan pengguna dan barangan perindustrian di Papan Kedua.

Mohd Azlan berkata, perlakuan sektor korporat adalah komponen terpenting untuk menjadikan pasaran saham tempatan lebih menarik.

Katanya, pemberian anugerah itu mengambil kira keupayaan syarikat senarai awam mengamalkan piawaian tinggi bagi perlakuan korporat sebagai satu mekanisme pengawal seliaan sendiri.

"Perlakuan korporat yang baik sudah menjadi kriteria penting untuk pelaburan. Dengan itu, pelabur bersedia membayar premium bagi saham syarikat yang mempunyai rekod amalan korporat yang terbaik," katanya.

Sebanyak 72 syarikat disenarai pendek daripada kaji selidik dan pendapat awam dengan 42 daripadanya dipilih untuk diperincikan panel pemilihan.

Anugerah Korporat BSKL Mengikut Sektor 2001 merangkumi 16 sektor berbanding 14 sebelumnya.